

03/03/2001

Kabinet arah polis tingkat kawalan

BANGI, Jumaat - Kabinet mengarahkan polis meningkatkan kemampuan menjaga kawasan pantai dan perairan bagi menyekat kemasukan pendatang tanpa izin Indonesia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, arahan itu dibuat kerana jumlah yang dijangka memasuki negara ini bertambah berikutan perkembangan pertempuran antara suku Dayak dengan Madura di Kalimantan, Indonesia.

"Mereka boleh masuk sepanjang pantai sama ada di pantai Barat, Timur dan timur Sabah kerana pantai kita tidak ada kawasan hutan terlalu tebal atau berpayau," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pertandingan Menulis Esei dan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan, di sini hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri mengulas kemasukan pendatang haram Indonesia sejak kebelakangan ini amat membimbangkan dan kejayaan Pasukan Polis Marin Selangor menahan sekumpulan 52 pendatang di perairan Sungai Mahang dekat Pelaburan Klang, kelmarin.

Ditanya apakah peningkatan kemasukan pendatang terbabit disebabkan kegagalan kerajaan Indonesia, beliau berkata pemerintah republik itu tentu sudah berusaha tetapi tidak berjaya.

Katanya, kerajaan negara itu terus memberi bekerjasama untuk memastikan proses penghantaran pulang pendatang tanpa izin berjalan lancar.

Sementara itu, dalam ucapannya, Abdullah mengingatkan rakyat supaya tidak menerima bulat-bulat apa yang dikatakan golongan berilmu kerana apa yang dikatakan mungkin tidak benar atau diputarbelitkan.

Beliau berkata, rakyat perlu meningkatkan pengetahuan kerana dalam era digital ini, ilmu adalah penting dan boleh diperoleh melalui pembacaan buku serta Internet.

"Mereka yang lebih pengetahuan akan waras dan cekap untuk memberi reaksi terhadap segala kejadian yang boleh membawa kesan kepada dirinya dan masyarakat," katanya dalam ucapan sebelum melancarkan pertandingan itu.

Pertandingan menulis dan kuiz dianjurkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan itu adalah sempena Minggu Amanah Saham 2001, yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kota Bharu, Kelantan, 20 April depan.

Abdullah berkata, pendekatan yang digunakan oleh PNB dalam menganjurkan minggu saham amanah adalah langkah bijak dan amat berkesan.

"Melaluinya, orang ramai diberi pendedahan mengenai kaedah, faedah dan kepentingan melabur, khususnya pelaburan dalam saham amanah.

"Pelaburan dalam saham amanah bukan sahaja mampu menawarkan pulangan yang baik, malah risiko pelaburannya adalah minimum jika dibandingkan dengan pelaburan dan simpanan lain di pasaran," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap minggu saham amanah berjaya melahirkan masyarakat yang celik pelaburan serta memahami hubung kait antara risiko dengan pulangan daripada pelaburan.

Sementara itu, pertandingan menulis esei dan kuiz pelaburan PNB peringkat kebangsaan itu terbuka kepada pelajar dan orang ramai.

Pertandingan menulis esei dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sekolah menengah, umum dan penulisan analisis, manakala kuiz untuk pelajar universiti dan sekolah menengah.

(END)